

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/M13/JLD.5 (74)

Tarikh: 6 Julai 2012

## **KENYATAAN AKHBAR CERAMAH i-RAMADHAN**

Bulan Ramadhan merupakan bulan yang penuh keberkatan dan bulan Ramadhan juga tidak boleh dibandingkan dengan bulan yang lain kerana padanya terdapat pelbagai kelebihan dan keistimewaan serta limpahan rahmat dan keampunan daripada Allah s.w.t.

Sempena kehadiran bulan Ramadhan pada tahun ini, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan mengadakan ceramah i-Ramadhan yang akan berlangsung di Dewan Auditorium, Majlis Bandaraya Petaling Jaya jam 9.00 pagi. Ceramah ini akan diadakan sebanyak 3 sesi iaitu pada 9 dan 31 Julai 2012 dan sesi yang terakhir yang akan diadakan pada 10 Ogos 2012.

Pada 9 Julai 2012, pihak Majlis akan menjemput seorang penceramah yang terkenal iaitu Ustaz Don Daniyal Bin Don Biyajid. Untuk siri kedua ceramah i-Ramadhan yang akan berlangsung pada 31 Julai 2012 nanti, ustaz Akhill Hayy akan diundang sebagai penceramah. Manakala bagi siri terakhir ceramah i-Ramadhan nanti Ustaz Dzulkarnain Bin Hamzah telah diundang sebagai penceramah pada 10 Ogos 2012.

Oleh yang demikian, pihak Majlis dengan sukacitanya menjemput semua warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya untuk menghadiri ceramah yang akan diadakan pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan.

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut berkenaan ceramah ini, warga kerja MBPJ boleh menghubungi Unit Latihan, Bahagian Sumber Manusia, Majlis Bandaraya Petaling Jaya di sambungan 308/309. Kehadirian warga kerja MBPJ ke ceramah i-Ramadhan ini amatlah dialu-alukan.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media,  
Unit Perhubungan Awam,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: pjcitycouncil, emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

**Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi:Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, [zainun@mbpj.gov.my](mailto:zainun@mbpj.gov.my) atau Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-6946884, [ahmadiskandar@mbpj.gov.my](mailto:ahmadiskandar@mbpj.gov.my)**